

# Lai Kwan kuak 10 emas

## » Berpotensi dinobatkan Olahragawati SUKIPT

Oleh Mohd Fitrie Muhamad  
mfitrie@bharian.com.my

■ Kuala Lumpur

**B**ekas perenang negara, Chui Lai Kwan yang mewakili Universiti Putra Malaysia (UPM) kian menghampiri langkah dinobatkan sebagai olahragawati kejohanan Sukan Institut Pengajian Tinggi (SUKIPT) edisi pertama tahun ini – selepas mengumpul 10 pingat emas.

Pada saingan hari ketiga semalam, Lai Kwan mengutip empat pingat emas dalam acara 400 meter gaya bebas, 50m kuak lentang, 100m kuak kupu-kupu dan 400m gaya bebas berganti-ganti.

Pada persaingan acara lain sebelum ini, penuntut jurusan Sains Teknologi dan Pemakanan itu menang lima emas dan satu perak.

### Masih ghairah buru emas

“Esok (hari ini) saya masih ada tiga acara individu dan satu acara berpasukan. Saya cukup yakin untuk menang pingat emas dalam acara individu dan cuba buat terbaik dalam acara berganti-ganti.

“Memang bagus kalau ia akan jadi kenyataan. Ia cukup bagus kepada saya dan sekurang-kurangnya ia dapat menaikkan semangat untuk cuba buat yang lebih baik,” katanya.

Sementara itu, Leung Chii Lin



yang membantu UM memenangi pingat emas 800m gaya bebas berganti-ganti kelmarin gagal mengulangi pencapaian acara 400m gaya bebas berganti-ganti.

Atlit menembak UPM yang muncul **juara keseluruhan**, memperaga pingat masing-masing, semalam.

(FOTO GOH THEAN HOWE)

### KEDUDUKAN PINGAT

	E	P	G	Jum
UPM	16	7	7	30
UiTM	6	5	8	19
USM	5	8	6	19
UM	5	6	3	14
Uni Taylor	3	2	0	5
UTM	2	2	1	5
UMS	2	1	1	4
UniKL	2	0	0	2
KK Kedah	2	0	0	2
UTP	1	3	1	5
HELP	1	2	1	4
UTeM	1	1	1	3
UTAR	1	1	0	2
UPSI	1	1	0	2



## Muslifah tembak dua emas

**Kuala Lumpur:** Penembak negara, Muslifah Zulkifli menghadiahkan dua pingat emas kepada Universiti Teknologi MARA (UiTM) di Lapang Sasar Menembak Subang, semalam.

Dalam acara 10 meter air rifle individu, Muslifah ternyata unggul mengutip 493.2 mata untuk mengatasi seorang lagi penembak elit kebangsaan, Nurfarah Afiqah Mohd Taufekh yang mewakili Universiti Putra Malaysia (UPM), ketinggalan 5.5 mata.

Ketepatan bidikan Muslifah juga turut membantu UiTM meraih satu lagi emas acara 10m air rifle berpasukan bersama dua lagi penembak, Nur Farah Afiqah Mohd Noh dan Rosshafira Mohd dengan mengumpul 1,157 mata.

“Keupayaan Nurfarah sebagai penembak negara memberi kelebihan buat UPM, meraih emas. Ini satu keputusan baik buat UiTM selepas berjaya mengatasi saingan hebat daripada UPM.

“Selepas ini, saya mahu mahu fokus penuh impian mengejar emas Sukan SEA di Myanmar. Saya juga akan cuba baiki kelemahan layak ke Sukan Olimpik Rio 2016,” katanya yang juga pemenang dua pingat di Sukan SEA 2011.

Pada kejohanan dwi-tahunan itu, Muslifah yang juga pelajar diploma pengajian sains sukan meraih perak dalam acara 10m air rifle individu dan 50m prone air rifle.



**SUKIPT**

28 Oktober - 11 November 2012  
www.sukipt.com.my